

<b>MEDIA</b> : Utusan Malaysia	<b>TITLE</b> : Scomi sertai O&G di Brazil
<b>COMPANY</b> : Scomi Group Bhd	<b>DATE</b> : 14 July 2015

# Scomi sertai O&G di Brazil

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**  
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 JULAI**

**S**COMI Group Berhad (Scomi) dijangka memulakan projek pertamanya dalam sektor minyak dan gas (O&G) di Brazil dan Argentina pada suku pertama 2016.

Presiden Negara Scomi di Brazil, Hilmy Zainal berkata, Scomi ketika ini sedang mengenal pasti dan meneliti beberapa rakan kongsi yang layak untuk menubuhkan syarikat kerjasama.

Katanya, terdapat banyak peluang dalam bidang O&G terutama di benua Amerika Selatan sama ada di pesisiran pantai dan darat.

"Kami difahamkan Petrobras membuat pelaburan sebanyak AS\$200 bilion (RM759.62 bilion) untuk tempoh lima tahun akan datang dan peluang ini sewajarnya direbut dengan sebaik-baiknya memandangkan Scomi sudah dikenali di Brazil menerusi projek monorel di Sao Paulo dan Manaus.

"Projek O&G di Brazil dan Argentina ini selari dengan fokus Scomi Energy Services Bhd. dalam pengurusan sisa penggerudian, pengeluaran minyak dan marin," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Scomi Engineering Bhd. (Scomi Engineering) mula meneroka potensi pasaran di Brazil sekitar 2007 menerusi projek monorelnya, Line 17 di Sao Paulo dan Manaus. Tahun lepas, syarikat berjaya meraih satu lagi projek monorel iaitu Line 18, juga di Sao Paulo.



Selain tiga projek ini, kita juga masih ada beberapa projek baharu lagi yang di peringkat tender dan pembinaan. Kami amat optimis dengan pasaran dan permintaan di Brazil."

**HILMY ZAINAL**  
Presiden Negara, Scomi, di Brazil

Kedua-dua projek tersebut masih berjalan manakala Line 18 yang merentasi jarak sejauh 14.35 kilometer hanya akan bermula hujung tahun ini.

Line 18 yang dibangunkan menerusi kerjasama awam swasta dengan Consorcio ABC Integrado melibatkan konsesi selama 25 tahun, dengan empat tahun untuk pelaksanaan dan 21 tahun untuk operasi dan penyelenggaraan.

Menurut Hilmy, Brazil merupakan pasaran yang mempunyai permintaan tinggi terutama dalam projek infrastruktur memandangkan terdapat lebih 20 bandar utamanya telah berusia kira-kira 200 tahun dengan lebih dua juta penduduk di sesebuah bandar.

Beliau berkata, dijangka sebanyak 300,000 penumpang akan menggunakan monorel dalam sehari apabila Line 18 siap sepenuhnya.

"Ini secara tidak langsung menjadikan monorel sebagai pengangkutan utama yang bersesuaian dengan corak dan gaya hidup pen-

uduk setempat kerana kebanyakan bandarnya telah padat," katanya.

Beliau memberitahu, Scomi Engineering juga bercadang untuk membuka satu lagi kilang di Brazil bagi melengkapkan loji sedia di Rio De Janeiro yang beroperasi sejak dua tahun lalu.

"Selain tiga projek ini, kita juga masih ada beberapa projek baharu lagi yang di peringkat tender dan pembinaan. Kami amat optimis dengan pasaran dan permintaan di Brazil," ujar beliau.

Hilmy yang sudah empat tahun bertugas di negara tersebut, menyifatkan pengalaman yang dilaluinya sangat berharga selain membolehkannya bertutur dalam bahasa Portugal dengan baik.

"Sehingga kini, saya masih mengikuti kelas bahasa Portugis. Ini amat penting kerana semua urusan harian dibuat dalam bahasa tempatan bukan sahaja untuk berkomunikasi dengan penduduk setempat tetapi dari segi dokumen dan urusan surat-menyurat," katanya.



## MEDIA COVERAGE

<b>MEDIA</b> : Utusan Malaysia	<b>TITLE</b> : Scomi sertai O&G di Brazil
<b>COMPANY</b> : Scomi Group Bhd	<b>DATE</b> : 14 July 2015

### Scomi sertai O&G di Brazil

KUALA LUMPUR 13 Julai - Scomi Group Berhad (Scomi) dijangka memulakan projek pertamanya dalam sektor minyak dan gas (O&G) di Brazil dan Argentina pada suku pertama 2016.

Presiden Negara Scomi di Brazil, Hilmy Zainal berkata, Scomi ketika ini sedang mengenal pasti dan meneliti beberapa rakan kongsi yang layak untuk menubuhkan syarikat kerjasama.

Katanya, terdapat banyak peluang dalam bidang O&G terutama di benua Amerika Selatan sama ada di pesisiran pantai dan darat.

"Kami difahamkan Petrobras membuat pelaburan sebanyak AS\$200 bilion (RM759.62 bilion) untuk tempoh lima tahun akan datang dan peluang ini sewajarnya direbut dengan sebaik-baiknya memandangkan Scomi sudah dikenali di Brazil menerusi projek monorel di Sao Paulo dan Manaus.

"Projek O&G di Brazil dan Argentina ini selari dengan fokus Scomi Energy Services Bhd. dalam pengurusan sisa penggerudian, pengeluaran minyak dan marin," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Scomi Engineering Bhd. (Scomi Engineering) mula meneroka potensi pasaran di Brazil sekitar 2007 menerusi projek monorelnya, Line 17 di Sao Paulo dan Manaus. Tahun lepas, syarikat berjaya meraih satu lagi projek monorel iaitu Line 18, juga di Sao Paulo.

Kedua-dua projek tersebut masih berjalan manakala Line 18 yang merentasi jarak sejauh 14.35 kilometer hanya akan bermula hujung tahun ini.

Line 18 yang dibangunkan menerusi kerjasama awam swasta dengan Consorcio ABC Integrado melibatkan konsesi selama 25 tahun, dengan empat tahun untuk pelaksanaan dan 21 tahun untuk operasi dan penyelenggaraan.

Menurut Hilmy, Brazil merupakan pasaran yang mempunyai permintaan tinggi terutama dalam projek infrastruktur memandangkan terdapat lebih 20 bandar utamanya telah berusia kira-kira 200 tahun dengan lebih dua juta penduduk di sesebuah bandar.

Beliau berkata, dijangka sebanyak 300,000 penumpang akan menggunakan monorel dalam sehari apabila Line 18 siap sepenuhnya.

"Ini secara tidak langsung menjadikan monorel sebagai pengangkutan utama yang bersesuaian dengan corak dan gaya hidup penduduk setempat kerana kebanyakan bandarnya telah padat," katanya.

Beliau memberitahu, Scomi Engineering juga bercadang untuk membuka satu lagi kilang di Brazil bagi melengkapi loji sedia di Rio De Janeiro yang beroperasi sejak dua tahun lalu.

"Selain tiga projek ini, kita juga masih ada beberapa projek baharu lagi yang di peringkat tender dan pembinaan. Kami amat optimis dengan pasaran dan permintaan di Brazil," ujar beliau.

Hilmy yang sudah empat tahun bertugas di negara tersebut, menyifatkan pengalaman yang dilaluinya sangat berharga selain membolehkannya bertutur dalam bahasa Portugal dengan baik.

"Sehingga kini, saya masih mengikuti kelas bahasa Portugis. Ini amat penting kerana semua urusan harian dibuat dalam bahasa tempatan bukan sahaja untuk berkomunikasi dengan penduduk setempat tetapi dari segi dokumen dan urusan surat-menyurat," katanya.